



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk sebelum Anda memutuskan untuk menyertai AIA i-Critical Illness Cover. Sila pastikan juga Anda membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Produk apakah ini?

AIA i-Critical Illness Cover adalah pelan Takaful caruman berkala yang diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan untuk 39 penyakit kritikal. Pelan ini adalah pelan perlindungan penyakit kritikal yang semata-mata dan tidak mempunyai unsur simpanan atau pelaburan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Wakalah - kontrak di antara peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (sebagai pengendali Takaful) di mana peserta memberi kebenaran kepada AIA PUBLIC Takaful Bhd. untuk bertindak bagi pihaknya di dalam mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan operasi Takaful yang termasuk pengunderaitan, pelaburan, perkhidmatan sivil dan pemprosesan tuntutan. AIA PUBLIC Takaful Bhd. akan mengambil sebahagian daripada caruman peserta sebagai yuran *Wakalah* sebagai upah untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan ini. Di dalam menjalankan semua tanggungjawab di bawah kontrak *Wakalah*, AIA PUBLIC Takaful Bhd. mungkin akan mewakili atau melibatkan mana-mana pihak ketiga untuk melakukan tugas-tugas yang berkenaan dengan operasi Takaful.

Tabarru' - kontrak yang digunakan di antara para peserta. Ia merupakan amaun bersih caruman Takaful selepas tolakan yuran *Wakalah* di mana ia akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta sebagai suatu derma bagi tujuan bantuan dan pertolongan bersama kepada peserta-peserta yang memerlukan. Kadar *Tabarru'* adalah tidak dijamin dan peserta mungkin perlu membuat bayaran caruman Takaful tambahan sekiranya terdapat perubahan kepada kadar *Tabarru'*.

Ju'alah - kontrak ganjaran di antara peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. di mana AIA PUBLIC Takaful Bhd. layak ke atas 50% daripada lebih daripada Dana Risiko Peserta sebagai *Ujah* (yuran prestasi) kerana menguruskan dana dengan efisien sehingga membawa kepada lebih.

Qard - kontrak pinjaman tanpa faedah di mana AIA PUBLIC Takaful Bhd. memberikan pinjaman tanpa faedah kepada Dana Risiko Peserta sekiranya ia mengalami defisit dan tidak membayar faedah-faedah Takaful kepada peserta-peserta yang layak. Amaun ini akan diambil semula daripada Dana Risiko Peserta apabila Dana Risiko Peserta kembali cukup, sebelum sebarang pengagihan lebih dibuat.

3. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

Keterangan	Faedah
Faedah Penyakit Kritikal	RM <Basic Sum Covered>

100% daripada jumlah perlindungan akan dibayar untuk mana-mana satu daripada 39 penyakit kritikal atau menjalani pembedahan dilindungi, kecuali untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, di mana 10% daripada jumlah perlindungan akan dibayar, tertakluk kepada maksimum RM25,000 (terhad kepada 1 pembayaran sahaja). Jumlah perlindungan akan berkurang dengan bayaran pendahuluan ini.

Tempoh perlindungan: Diperbaharui setiap tahun sehingga umur 70 tahun.

Faedah-faedah hanya akan dibayar jika anda terus hidup sekurang-kurangnya 15 hari dari tarikh diagnosis untuk mana-mana satu daripada 39 penyakit kritikal atau pembedahan yang dilindungi. Senarai 39 penyakit kritikal yang dilindungi di bawah produk ini adalah seperti berikut:

1. Strok – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
2. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
3. Serangan Jantung – keterukan tertentu
4. Pembedahan Pintas Ateri Koronari
5. Penyakit Arteri Koronari Serius
6. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari*
7. Pembedahan Injap Jantung
8. Hepatitis Viral Fulminan
9. Kegagalan Hati Tahap Akhir
10. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
11. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
12. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
13. Pembedahan Aorta
14. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
15. Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang
16. Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih
17. Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih
18. Hilang Keupayaan Bertutur
19. Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan
20. Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu
21. Sklerosis Multipel
22. Kelumpuhan Anggota
23. Distrofi Otot
24. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
25. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
26. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
27. Penyakit Terminal
28. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
29. Tumor Otak Benign – keterukan tertentu
30. Trauma Kepala Major – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
31. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
32. Pembedahan Otak
33. Penyakit Sistik Medular
34. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
35. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
36. Kardiomiopati – keterukan tertentu
37. AIDS Dengan Gejala Penuh
38. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
39. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

*Sekiranya berlaku Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, 10% daripada jumlah perlindungan akan dibayar, tertakluk kepada maksimum RM 25,000 (terhad kepada 1 pembayaran sahaja). Jumlah perlindungan akan dikurangkan dengan bayaran pendahuluan ini.

4. Berapakah caruman yang harus saya bayar?

Jumlah Caruman yang Anda perlu bayar: RM <X,XXX.XX>(<Payment Frequency>).

Tempoh Caruman: Perlu membayar sehingga Orang Dilindungi mencapai umur 70 tahun.

Sila ambil perhatian bahawa kadar caruman akan meningkat bergantung kepada umur yang dicapai apabila caruman perlu dibayar. Sila rujuk kepada "Lampiran - Jadual Caruman untuk AIA i-Critical Illness Cover" di akhir Helaian Pendedahan Produk ini untuk maklumat lanjut.

Anda harus memastikan bahawa caruman yang perlu dibayar di bawah sijil adalah mengikut kemampuan anda. Kadar caruman adalah tidak dijamin dan mungkin meningkat pada masa hadapan. Kami berhak untuk menyemak semula kadar caruman dengan memberikan Anda 90 hari notis bertulis sebelum Ulang Tahun Sijil yang akan datang.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya kena bayar?

- (a) Yuran *Wakalah* akan ditolak dahulu sebagai peratusan daripada Caruman untuk membayar perbelanjaan pengurusan kami. Perbelanjaan tersebut termasuk duti setem sebanyak RM10.
- (b) Pelan ini tidak mempunyai sebarang komisen dan tiada perantara yang terlibat dalam pemasaran pelan AIA i-Critical Illness Cover.
- (c) Selepas yuran *Wakalah* ditolak, baki Caruman yang dibayar akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai *Tabarru'* yang bertujuan untuk memberi perlindungan dan membayar tuntutan untuk peristiwa/risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful. *Tabarru'* akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Anda.

Jadual di bawah menunjukkan peruntukan Caruman:

Tahun Sijil		1	2	3	4	5	10	15	20
Caruman	RM	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>
Yuran Wakalah	%	30%	30%	30%	30%	30%	30%	30%	30%
	RM	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>
Peruntukan Caruman ke dalam DRF (Tabarru')	%	70%	70%	70%	70%	70%	70%	70%	70%
	RM	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>	<XXX.XX>

Peratus Yuran *Wakalah* dan peratus Peruntukan Caruman ke dalam DRF (Tabarru') adalah sama dari Tahun Sijil pertama sehingga matang. Sila ambil perhatian bahawa kadar caruman akan meningkat bergantung kepada umur yang dicapai apabila caruman perlu dibayar. Sila rujuk kepada "Lampiran - Jadual Caruman untuk AIA i-Critical Illness Cover" di akhir dokumen ini untuk maklumat lanjut.

- (d) Perbelanjaan yang berkait secara langsung untuk tuntutan (contohnya kos penyiagaan) dan perbelanjaan berkaitan pelaburan (seperti yuran pengurusan dana, yuran kustodian dan penyimpanan) yang ditanggung di peringkat dana, jika ada, akan dikenakan di bawah DRP.

Nota:

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk penerangan lanjut mengenai yuran dan caj-
caj di bawah pelan ini.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- (a) **Kepentingan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur Anda dengan betul.
- (b) **Tempoh Percubaan** – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan memberi permintaan bertulis yang ditandatangani oleh anda kepada kami di dalam tempoh lima belas (15) hari selepas kontrak e-sijil anda telah tersedia di portal pelanggan AIA. Caruman yang Anda telah bayar akan dipulangkan balik kepada Anda.
- (c) **Tempoh Ihsan** – Anda mempunyai 31 hari daripada setiap tarikh caruman perlu dibayar untuk membayar caruman bagi Sijil Takaful. Sijil Takaful akan kekal berkuatkuasa semasa tempoh ini. Jika Caruman masih tidak dibayar pada akhir Tempoh Ihsan ini, Sijil Takaful ini akan luput.
- (d) **Prosedur Tuntutan** – Sila rujuk laman web AIA untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- (e) **Tempoh Menunggu** - Kelayakan untuk faedah di bawah sijil ini hanya akan bermula selepas tempoh tertentu dari tarikh berkuat kuasa Sijil:

Keterangan	Tempoh Menunggu
Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintas Ateri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	60 hari
Penyakit Kritikal Lain	30 hari

Nota:

- (i) Ia adalah tidak menguntungkan untuk menukar dari satu pelan Takaful ke pelan yang lain, kerana Anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru dan tempoh menunggu bagi Sijil Takaful yang baru.

- (ii) Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk butiran lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Kandungan di dalam Sijil Takaful akan terpakai sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Helaian Pendedahan Produk dan Sijil Takaful.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah Sijil ini?

Pelan ini tidak melindungi:

- (a) sebarang penyakit selain daripada yang didiagnosis atau pembedahan untuk Penyakit Kritikal yang dilindungi;
- (b) sebarang keadaan sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- (c) Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pesakit Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, dengan tanda-tanda atau gejala-gejala, yang pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- (d) semua penyakit kritikal lain dengan tanda-tanda atau gejala-gejala, yang pertama kali berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- (e) sebarang penyakit kritikal yang didiagnosis yang disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, oleh kecacatan kongenital atau penyakit yang ditunjukkan dengan jelas atau didiagnosis sebelum anda mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
- (f) didiagnosis dengan Hepatitis Viral Fulminan, Kanser, Ensefalitis, Meningitis Bakteria, Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk atau Penyakit Terminal (Membawa Maut), yang pada pendapat Kami disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), atau jangkitan oleh sebarang HIV. Kami berhak untuk mengarahkan Anda untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat lazim untuk penerimaan sebarang tuntutan. Bagi tujuan sijil ini:
 - (i) AIDS ditakrifkan sebagai apa yang digunapakai oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987, atau mengikut semakan terbarunya oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.
 - (ii) Jangkitan akan dianggap berlaku di mana ujian darah atau sebarang ujian lain menandakan, pada pendapat Kami, kewujudan sebarang HIV atau Antibodi terhadap Virus tersebut.
- (g) sebarang penyakit kritikal atau pembedahan dilindungi yang ditakrifkan adalah berpunca dari kecederaan yang disengajakan;
- (h) sekiranya Orang Dilindungi tidak kekal hidup selama sekurang-kurangnya 15 hari selepas diagnosis penyakit kritikal.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?

Anda boleh membatalkan/menyerahkan Sijil Takaful Anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Apabila Sijil Takaful dibatalkan/diserahkan selepas Tempoh Percubaan, *Tabarru'* daripada DRP yang belum digunakan dan Yuran *Wakalah* yang belum diperolehi akan dipulangkan kepada Anda dengan syarat tiada tuntutan yang telah dibuat di dalam tahun sijil semasa. Pemulangan ini tidak terpakai bagi Sijil Takaful dengan mod pembayaran bulanan.

Tempoh Daripada Ulang Tahun Sijil Terdahulu, Tidak Melebihi*	Kadar Peratusan (%) daripada Caruman			
	Tahunan	Sepuluh Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
15 hari**	90%	80%	70%	Tiada Pemulangan
1 bulan	80%	70%	50%	
2 bulan	70%	50%	20%	
3 bulan	60%	30%	Tiada Pemulangan	
4 bulan	50%	20%	50%	
5 bulan	40%	10%	20%	
6 bulan	30%	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan	
7 bulan	25%	70%	50%	
8 bulan	20%	50%	20%	
9 bulan	15%	30%	Tiada Pemulangan	
10 bulan	10%	20%	50%	
11 bulan	5%	10%	20%	
12 bulan	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan	

* Semua caruman yang dibayar bagi tempoh sebelum ulang tahun sijil sebelum tarikh serahan tidak akan dikembalikan.

** Tidak terpakai untuk tahun pertama sijil. Sila rujuk Tempoh Percubaan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir peribadi saya bertukar?

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran kepada butir-butir peribadi Anda seperti alamat Anda atau e-mel bagi memastikan kami dapat memaklumkan sebarang maklumat penting kepada anda.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila layari laman web kami di AIA.COM.MY.

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

AIA PUBLIC Takaful Bhd. 201101007816 (935955-M)
Menara AIA, 99, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1300-88-8922
Tel: 03-2056 1111
Emel: my.pdsenquiry@aia.com
Laman web: AIA.COM.MY

Pelan Takaful ini diunderaikan oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd., Pengendali Takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Produk-produk sedia ada lain yang seumpama

Sila hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau layari laman web kami di AIA.COM.MY untuk produk-produk lain seumpamanya yang kami tawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN YANG DIPILIH ADALAH TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN DAN HUBUNGI AIA PUBLIC TAKAFUL BHD. UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SIJIL TAKAFUL. SILA RUJUK PADA KONTRAK SIJIL BAGI MAKLUMAT PENUH BERKENAAN SIJIL TAKAFUL.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil / produk takaful yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah setakat **<MM/DD/YYYY>**

Lampiran - Jadual Caruman bagi AIA i-Critical Illness Cover
(setiap RM1,000 jumlah perlindungan)

Lelaki Perokok									
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan	Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan
16	0.07	0.22	0.43	0.84	44	0.65	1.92	3.84	7.45
17	0.07	0.22	0.44	0.86	45	0.73	2.16	4.31	8.37
18	0.08	0.23	0.45	0.88	46	0.81	2.41	4.81	9.34
19	0.08	0.25	0.50	0.97	47	0.91	2.70	5.39	10.47
20	0.09	0.27	0.54	1.04	48	1.02	3.02	6.04	11.73
21	0.10	0.29	0.58	1.13	49	1.14	3.38	6.76	13.12
22	0.10	0.30	0.60	1.17	50	1.27	3.77	7.53	14.63
23	0.11	0.32	0.64	1.24	51	1.41	4.18	8.37	16.25
24	0.11	0.33	0.66	1.29	52	1.58	4.67	9.33	18.12
25	0.12	0.34	0.68	1.33	53	1.77	5.24	10.48	20.34
26	0.12	0.35	0.70	1.35	54	1.98	5.85	11.71	22.73
27	0.12	0.36	0.71	1.38	55	2.21	6.55	13.11	25.45
28	0.12	0.37	0.73	1.42	56*	2.48	7.34	14.68	28.51
29	0.13	0.38	0.76	1.47	57*	2.73	8.07	16.15	31.35
30	0.13	0.39	0.79	1.53	58*	2.95	8.73	17.45	33.89
31	0.14	0.42	0.85	1.65	59*	3.19	9.43	18.86	36.63
32	0.16	0.46	0.93	1.80	60*	3.44	10.18	20.36	39.54
33	0.18	0.52	1.05	2.03	61*	3.70	10.95	21.89	42.51
34	0.20	0.59	1.17	2.28	62*	3.97	11.74	23.48	45.59
35	0.22	0.65	1.30	2.52	63*	4.25	12.58	25.17	48.87
36	0.25	0.73	1.46	2.84	64*	4.57	13.53	27.06	52.54
37	0.28	0.82	1.65	3.20	65*	4.57	13.53	27.06	52.54
38	0.31	0.93	1.85	3.60	66*	5.10	15.09	30.19	58.62
39	0.35	1.05	2.10	4.08	67*	5.46	16.15	32.31	62.73
40	0.40	1.18	2.35	4.57	68*	5.80	17.17	34.35	66.69
41	0.45	1.33	2.67	5.18	69*	6.18	18.30	36.60	71.06
42	0.51	1.51	3.01	5.85	70*	6.59	19.50	39.00	75.72
43	0.57	1.70	3.40	6.60					

*Caruman bagi umur 56-70 hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja.

Lampiran - Jadual Caruman bagi AIA i-Critical Illness Cover
(setiap RM1,000 jumlah perlindungan)

Lelaki Bukan Perokok									
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Sepuluh Tahunan	Tahunan	Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Sepuluh Tahunan	Tahunan
16	0.07	0.20	0.41	0.79	44	0.43	1.28	2.56	4.98
17	0.07	0.20	0.41	0.79	45	0.49	1.44	2.87	5.58
18	0.07	0.20	0.41	0.79	46	0.54	1.61	3.21	6.24
19	0.07	0.21	0.42	0.81	47	0.61	1.80	3.59	6.98
20	0.07	0.22	0.43	0.84	48	0.68	2.01	4.02	7.81
21	0.07	0.22	0.44	0.86	49	0.76	2.26	4.51	8.76
22	0.08	0.23	0.45	0.88	50	0.85	2.51	5.02	9.75
23	0.08	0.23	0.45	0.88	51	0.94	2.79	5.59	10.85
24	0.08	0.23	0.45	0.88	52	1.05	3.11	6.23	12.09
25	0.08	0.23	0.45	0.88	53	1.18	3.49	6.99	13.57
26	0.08	0.23	0.46	0.90	54	1.32	3.90	7.80	15.15
27	0.08	0.24	0.48	0.93	55	1.48	4.37	8.74	16.97
28	0.08	0.24	0.49	0.95	56*	1.65	4.89	9.78	18.99
29	0.08	0.25	0.50	0.97	57*	1.82	5.38	10.77	20.91
30	0.09	0.27	0.54	1.04	58*	1.97	5.82	11.63	22.59
31	0.10	0.29	0.57	1.11	59*	2.12	6.29	12.58	24.42
32	0.11	0.31	0.63	1.22	60*	2.29	6.79	13.58	26.37
33	0.12	0.35	0.70	1.35	61*	2.46	7.29	14.59	28.33
34	0.13	0.39	0.78	1.51	62*	2.64	7.82	15.65	30.38
35	0.15	0.44	0.87	1.69	63*	2.83	8.39	16.78	32.58
36	0.16	0.49	0.97	1.89	64*	3.05	9.02	18.05	35.04
37	0.19	0.55	1.10	2.14	65*	3.05	9.02	18.05	35.04
38	0.21	0.62	1.24	2.41	66*	3.40	10.07	20.13	39.09
39	0.23	0.70	1.39	2.70	67*	3.64	10.77	21.54	41.83
40	0.27	0.79	1.58	3.06	68*	3.87	11.45	22.90	44.46
41	0.30	0.89	1.78	3.45	69*	4.12	12.20	24.40	47.37
42	0.34	1.00	2.01	3.90	70*	4.39	13.00	25.99	50.47
43	0.38	1.13	2.26	4.39					

*Caruman bagi umur 56-70 hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja.

Lampiran - Jadual Caruman bagi AIA i-Critical Illness Cover
(setiap RM1,000 jumlah perlindungan)

Perempuan Perokok									
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan	Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan
16	0.05	0.15	0.30	0.59	44	0.86	2.55	5.10	9.90
17	0.06	0.17	0.34	0.66	45	0.95	2.80	5.61	10.89
18	0.06	0.19	0.37	0.72	46	1.05	3.10	6.20	12.04
19	0.07	0.20	0.41	0.79	47	1.13	3.34	6.67	12.96
20	0.08	0.23	0.45	0.88	48	1.18	3.51	7.01	13.62
21	0.09	0.25	0.51	0.99	49	1.25	3.69	7.39	14.34
22	0.10	0.29	0.58	1.13	50	1.32	3.91	7.81	15.17
23	0.11	0.32	0.64	1.24	51	1.40	4.13	8.27	16.05
24	0.12	0.35	0.70	1.35	52	1.49	4.40	8.80	17.08
25	0.13	0.38	0.77	1.49	53	1.59	4.69	9.39	18.23
26	0.14	0.41	0.81	1.58	54	1.70	5.02	10.04	19.49
27	0.15	0.44	0.88	1.71	55	1.81	5.37	10.73	20.84
28	0.16	0.48	0.96	1.87	56*	1.94	5.74	11.48	22.3
29	0.18	0.53	1.07	2.07	57*	2.06	6.09	12.18	23.65
30	0.20	0.59	1.18	2.30	58*	2.16	6.40	12.81	24.87
31	0.22	0.66	1.31	2.55	59*	2.28	6.73	13.47	26.15
32	0.25	0.73	1.45	2.82	60*	2.41	7.14	14.28	27.72
33	0.27	0.80	1.60	3.11	61*	2.56	7.59	15.17	29.46
34	0.30	0.88	1.76	3.42	62*	2.73	8.08	16.16	31.37
35	0.33	0.98	1.96	3.81	63*	2.92	8.63	17.27	33.53
36	0.37	1.10	2.20	4.28	64*	3.13	9.25	18.51	35.94
37	0.41	1.22	2.45	4.75	65*	3.13	9.25	18.51	35.94
38	0.46	1.36	2.72	5.29	66*	3.30	9.78	19.56	37.98
39	0.51	1.51	3.03	5.88	67*	3.57	10.55	21.10	40.98
40	0.57	1.69	3.37	6.55	68*	3.85	11.39	22.78	44.24
41	0.63	1.88	3.75	7.29	69*	4.13	12.21	24.43	47.43
42	0.71	2.09	4.19	8.13	70*	4.41	13.06	26.12	50.72
43	0.78	2.31	4.61	8.96					

*Caruman bagi umur 56-70 hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja.

Lampiran - Jadual Caruman bagi AIA i-Critical Illness Cover
(setiap RM1,000 jumlah perlindungan)

Perempuan Bukan Perokok									
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan	Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan
16	0.05	0.15	0.29	0.57	44	0.57	1.70	3.40	6.60
17	0.05	0.15	0.30	0.59	45	0.63	1.87	3.74	7.27
18	0.05	0.16	0.32	0.63	46	0.70	2.07	4.14	8.04
19	0.06	0.17	0.34	0.66	47	0.75	2.22	4.45	8.64
20	0.06	0.18	0.36	0.70	48	0.79	2.34	4.67	9.07
21	0.07	0.20	0.40	0.77	49	0.83	2.46	4.93	9.57
22	0.07	0.22	0.43	0.84	50	0.88	2.60	5.21	10.11
23	0.08	0.23	0.45	0.88	51	0.93	2.76	5.52	10.71
24	0.08	0.24	0.49	0.95	52	0.99	2.93	5.87	11.39
25	0.09	0.25	0.51	0.99	53	1.06	3.13	6.26	12.15
26	0.09	0.27	0.55	1.06	54	1.13	3.34	6.69	12.99
27	0.10	0.30	0.59	1.15	55	1.21	3.58	7.16	13.91
28	0.11	0.32	0.65	1.26	56*	1.29	3.83	7.66	14.88
29	0.12	0.36	0.71	1.38	57*	1.37	4.06	8.13	15.78
30	0.13	0.39	0.79	1.53	58*	1.44	4.27	8.54	16.59
31	0.15	0.44	0.87	1.69	59*	1.52	4.49	8.98	17.44
32	0.16	0.48	0.96	1.87	60*	1.61	4.76	9.52	18.48
33	0.18	0.53	1.07	2.07	61*	1.71	5.05	10.10	19.62
34	0.20	0.59	1.18	2.30	62*	1.82	5.38	10.77	20.91
35	0.22	0.66	1.31	2.55	63*	1.95	5.76	11.52	22.37
36	0.25	0.73	1.46	2.84	64*	2.08	6.16	12.33	23.94
37	0.28	0.82	1.64	3.18	65*	2.08	6.16	12.33	23.94
38	0.31	0.90	1.81	3.51	66*	2.20	6.52	13.04	25.32
39	0.34	1.01	2.02	3.92	67*	2.38	7.03	14.07	27.32
40	0.38	1.13	2.25	4.37	68*	2.56	7.59	15.18	29.48
41	0.42	1.25	2.50	4.86	69*	2.75	8.14	16.28	31.62
42	0.47	1.40	2.80	5.43	70*	2.94	8.71	17.42	33.82
43	0.52	1.54	3.08	5.99					

*Caruman bagi umur 56-70 hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja.